

Kuala Pilah dilanda banjir kilat



DEFINISI REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Rupa bentuk luaran secara keseluruhan yang memberikan suatu penampilan yang unik pada suatu barang atau produk yang dihasilkan secara perindustrian.

SKOP

- Bentuk dan tatarajah (ciri 3D)
- Corak dan hiasan (ciri 2D)
- Gabungan kedua-dua ciri 3D dan 2D

TEMPOH PERLINDUNGAN

15 tahun dari tarikh pemfailan permohonan.

LINDUNGI REKA BENTUK PERINDUSTRIAN ANDA DI MyIPO

MyIPO Di Melaka pada Januari 2013!!

Lot 1-24 & 1-25,
Aras 1, Menara MITC,
Jalan Konvensyen, Kompleks MITC,
75450 Ayer Keroh, Melaka

Sebarang pertanyaan sila hubungi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO):

IBU PEJABAT

Unit 1-7, Aras Bawah, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1, 59000 Kuala Lumpur

(T) : +603-2299 8400 / +603-2299 8989

ZON SELATAN (JOHOR BAHRU)

(T) : +607-222 2873 / +607-222 2870

ZON PANTAI TIMUR (KUANTAN)

(T) : +609-517 3749 / +609-517 3776

ZON UTARA (SEBERANG JAYA)

(T) : +604-390 4134 / +604-390 2276

SARAWAK (KUCHING)

(T) : +6082-459 075 / +6082-455 052

SABAH (KOTA KINABALU)

(T) : +6088-233 571 / +6088-257 046

www.myipo.gov.my facebook.com/ipmalaysia twitter.com/myipo YouTube youtube/ipmalaysia



KEPENTINGAN PENDAFTARAN

- Hak eksklusif untuk membuat, mengimport, menjual, menyewa atau menggunakan bagi tujuan perdagangan atau perniagaan.
- Mengambil tindakan undang-undang ke atas sesiapa yang melakukan pelanggaran.

TIPS

Reka bentuk hendaklah baru dan elakkan reka bentuk yang bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral.

KUALA PILAH – Seramai 25 penduduk di sekitar kawasan Senaling dan Johol dekat sini dipindahkan buat sementara selepas kediaman mereka dilanda banjir kilat petang kelmarin.

Hujan lebat selama dua jam bermula pukul 5 petang itu menyebabkan beberapa rumah ditenggelami air hampir satu meter.

Antara kawasan yang terjejas adalah Kampung Dangi, Kampung Geduhum, Kampung Air Taling, Kampung Yu dan Kampung Diah.

Banjir kilat itu menyebabkan 25 penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan banjir di Dewan Orang Ramai Kampung Dangi.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Infrastruktur, Air, Tenaga dan Telekomunikasi negeri, Datuk Ismail Lasim berkata, beliau telah meminta pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat menghantar beberapa keperluan kepada mangsa banjir.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Senaling berkata, mangsa banjir dipindahkan dengan bantuan Jabatan Pertahanan Awam, polis dan bomba.

Tinjauan *Kosmo!* di sekitar kawasan Pe-

kan Dangi malam semalam mendapati, penduduk telah pulang ke rumah selepas air surut beberapa jam selepas itu dan sibuk membersihkan kediaman masing-masing.

Seorang penduduk, R. Suresh, 42, berkata, ketika kejadian, dia tiada di rumah sebelum ahli keluarganya memaklumkan kediaman mereka dinaiki air.

"Sebaik pulang ke rumah, saya dapati air telah naik hingga ke paras pinggang.

"Saya tidak dapat menyelamatkan apa-apa dan banyak peralatan elektrik musnah ditenggelami air," katanya.

Chin Yuk Yin, 47, pula memberitahu, dia kerugian ribuan ringgit kerana sebahagian barangan di kedai runcitnya rosak terkena banjir.

"Saya tidak jangka banjir boleh berlaku di kawasan ini dan ini kali pertama kami dilanda banjir," katanya.

Penduduk Kampung Air Taling, Hassan Muhamad 44, berkata, air naik dengan cepat tetapi dia sempat menyelamatkan diri dan ahli keluarganya keluar daripada rumah.

"Ini kali kedua rumah saya ditenggelami air dan berbanding kejadian pertama pada 2010, ini kejadian paling buruk," katanya.



YUK YIN (kanan) bersama keluarganya sibuk membersihkan kedainya yang kotor dilanda banjir kilat di pekan Dangi, Kuala Pilah semalam.